

## **UNSUR METAFORA DALAM PANTUN: SUATU PENDEKATAN SEMIOTIK**

Noriza Daud

### **Pengenalan**

Gambaran keindahan pantun jelas terpancar melalui penggunaan ungkapan kias ibarat. Ungkapan kias ibarat ini terkandung dalam penggunaan bahasa yang bersifat figuratif. Pengungkapan madah yang puitis ini menonjolkan ciri keunikan masyarakat Melayu tradisional yang menggunakan bahasa tersurat dalam menyampaikan maksud yang tersirat.

Lantaran itu, kita akan menemui penggunaan unsur metafora dalam rangkap pantun. Metafora dalam tulisan ini didefinisikan sebagai pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan) (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002:886). Dengan kata lain, pemantun lebih cenderung menggunakan lambang-lambang bersifat bukan literal dalam menyampaikan makna.

Sebagai contoh, kita kerap mendengar penggunaan lambang 'bunga' dan 'kumbang' dalam bahasa pantun. Lambang 'bunga' dalam konteks

pantun merujuk kepada gadis desa atau dara pingitan. Lambang 'kumbang' pula kebiasaannya dikonsepsikan sebagai spesies binatang perosak yang gemar menghisap madu.


Bagi masyarakat pendengar yang memahami bahasa pantun, penggunaan pelambang 'bunga' dan 'kumbang' yang mewakili sesuatu makna atau idea sebenarnya bukanlah dilakukan secara sewenang-wenangnya. Keadaan ini mempamerkan keunikan masyarakat Melayu tradisional yang kaya dengan penggunaan unsur-unsur simbolik. Penggunaan unsur simbolik ini berfungsi menjelaskan sesuatu lakaran idea tertentu dalam bentuk yang tidak langsung.

## **Bahan Kajian**

Data analisis dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 (cetakan kedua) dalam *Kumpulan Pantun Melayu* (KPM) yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar. Buku ini memuatkan 2052 rangkap pantun yang dibahagikan ke dalam sebelas jenis tema. Namun, pengkaji hanya memilih satu jenis tema sahaja untuk diaplikasikan dalam kajian, iaitu daripada tema peribahasa dan perbilangan (P&P). Aspek lambang ditumpukan kepada lambang kata nama am dan kata nama khas dengan memusatkan bahagian maksud pantun. Daripada jumlah keseluruhan, iaitu 103 rangkap pantun dalam kategori tema P&P, sebanyak 97 rangkap daripadanya mengandungi lambang-lambang kata nama dalam bahagian maksud pantun.

## **Pendekatan Kajian**

Tulisan ini cuba melihat kajian lambang berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh pelopor semiotik moden dari Amerika, iaitu Charles Sanders Peirce. Menurut Peirce, kewujudan tanda bukan hanya tertumpu kepada lambang-lambang linguistik sahaja, bahkan melibatkan tanda-tanda lain seperti gambar dan angka. Beliau telah mengusulkan satu model yang dikenali sebagai segi tiga semiotik seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 1: Model Segi Tiga Semiotik

Berhubung dengan konsep triadik (*three-part*), Peirce (dlm. Daniel Chandler, 2002:32) menjelaskannya seperti yang berikut:

*“A sign ... (in the form of a “representamen”) is something which stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign which it creates I call the ‘interpretant’ of the first sign. The sign stands for something, its ‘object’. It stands for the object, not in all respects, but in reference to a sort of idea, which I have sometimes called the ‘ground’ of the representamen.”*

Berdasarkan pendekatan Peirce, *representament* merujuk kepada lambang. Lambang dalam konteks kajian ini terdiri daripada bahasa, iaitu kategori bahasa yang bersifat bukan literal. Kajian ini hanya memfokuskan aspek lambang KN sahaja. Lambang-lambang ini akan diwakili oleh objek yang tertentu. Objek yang dimaksudkan di sini merujuk kepada entiti yang bersifat konkrit dan abstrak, iaitu meliputi segala kewujudan yang bersifat empirikal. Ringkasnya, kehadiran objek-objek ini dapat dikesan sama ada melalui deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, mahupun deria sentuh. Sementara interpretant pula merujuk kepada makna yang ditafsirkan berdasarkan hubungan antara lambang dengan objek. Justeru, wujudnya hubungan yang bersifat tiga hala antara lambang, objek, dan makna.

## **Pantun Peribahasa dan Perbilangan (PP&P)**

Pantun peribahasa terdiri daripada kumpulan pantun yang mengandungi rangkaian kata-kata yang membawa pengertian tertentu, dikenali juga sebagai bidalan atau pepatah. Lazimnya mengandungi unsur nasihat dan pengajaran, manakala pantun perbilangan pula terdiri daripada kumpulan pantun yang mengandungi rangkaian kata-kata yang sudah dianggap menjadi peraturan atau undang-undang yang tetap.

Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada dua bahagian utama, iaitu berdasarkan kategori lambang kata nama (KN) dan makna lambang kata nama (KN).

### **Kategori Lambang Kata Nama**

Berdasarkan kajian ke atas 103 rangkap pantun dalam kategori tema Peribahasa dan Perbilangan (P&P), terdapat 150 unsur lambang kata nama (KN) yang dapat dikutip daripada 97 rangkap pantun. Penggunaan unsur kata nama ini hanya dikutip daripada bahagian maksud pantun sahaja, iaitu dua (2) baris yang terakhir. 6 rangkap yang selebihnya langsung tidak mengandungi penggunaan unsur kata nama dalam bahagian maksud pantun. Lambang-lambang ini dikelaskan kepada dua kategori lambang (KL) seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 1: Jumlah dan Peratusan Kategori Lambang KN dalam PP&P

<b>Kategori Lambang KN</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
Konkrit	132	88.0
Abstrak	18	12.0
	<b>150</b>	<b>100.0</b>

### **Kategori Lambang Kata Nama Konkrit**

Kategori lambang (KL) yang bersifat konkrit menduduki tempat yang tertinggi, iaitu sebanyak 132 atau bersamaan dengan 88.0 %. Berikutnya merupakan contoh kehadiran KL konkrit dalam pantun.

*Manis sungguh tebu seberang,  
Dari akar sampai ke pucuk;  
Manis sungguh mulut orang,  
Terkena tipu dalam pujuk.*

(KPM, 1984:165)

Dalam konteks pantun tersebut, lambang 'orang' merujuk kepada diri manusia. Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang diberi pelbagai keistimewaan berbanding dengan makhluk ciptaanNya yang lain. Manusia telah dicipta sebagai organisma yang paling sempurna dari segi fizikal dan juga mental. Salah satu keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia ialah akal fikiran yang tidak ada pada makhluk lain.

Satu lagi contoh penggunaan KL konkrit ialah lambang 'tebu' seperti dalam rangkap pantun yang berikut:

*Laksamana memetik jambu,  
Jambu manis kampung cik Awang;  
Saya laksana untung tebu,  
Habis manis hampas dibuang.*

(KPM, 1984:166)

Lambang 'tebu' merujuk kepada benda, orang atau objek yang memiliki sifat keistimewaan yang hanya bersifat sementara atau tidak kekal. Kebiasaannya lambang tebu merujuk kepada kaum wanita kerana memiliki beberapa persamaan dari segi sifat. Antara unsur pelambang tebu dengan wanita terselit beberapa ciri keistimewaan. Antaranya, tebu disukai kerana airnya yang manis manakala wanita pula disukai kerana sifat kecantikan dan kelembutan. Keadaan ini diibaratkan kepada kaum wanita, iaitu selagi mereka cantik dan muda, selagi itulah mereka disayang dan dipuja. Begitu juga dengan tebu, kegunaannya terletak pada airnya yang manis dan lazat sedangkan hampasnya dibuang.

## Kategori Lambang Kata Nama Abstrak

Lambang dalam kategori abstrak hanya berjumlah 18 atau bersamaan dengan 12.0 % daripada jumlah keseluruhan sebanyak 150 lambang. Penggunaan kategori lambang (KL) abstrak ini boleh diperhatikan melalui contoh yang terdapat dalam rangkap pantun di bawah:

*Ke Tanjung menjual bayam,  
Dayung terlepas sampan terapung;  
Jangan diikuti resmi ayam,  
Bertelur sebiji riuh sekampung.*  
(KPM, 1984:161)

Menurut pentakrifan *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002:1134), 'resmi' membawa maksud sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat). Dalam konteks pantun tersebut diisyaratkan kepada sifat semula jadi ayam yang dikatakan 'bertelur sebiji riuh sekampung'. Dalam hal ini, pemantun menyifatkan keadaan sedemikian kurang baik dan tidak harus dijadikan contoh teladan.

Contoh seterusnya ialah penggunaan lambang 'ajal' yang dipetik daripada rangkap pantun yang berikut:

*Deram-derum ombak di laut,  
Sampan karam di kolam mawar;  
Jika belum ajal dan maut,  
Racun diminum jadi penawar.*  
(KPM, 1984:161)

Dalam konteks pantun tersebut, lambang 'ajal' merujuk kepada batasan hidup mengikut ketentuan yang telah ditetapkan. Setiap manusia haruslah percaya bahawa proses kehidupan bermula selepas kelahiran dan berakhir dengan proses kematian. Namun, perjalanan kehidupan tidak berakhir di alam yang nyata ini sahaja kerana manusia akan dihidupkan kembali bagi menjalani proses kehidupan yang kekal di alam yang seterusnya.

## **Makna Lambang Kata Nama**

Penggunaan jenis makna lambang kata nama dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk, iaitu lambang-lambang yang membawa makna literal (MLi), makna bukan literal (MBLi) dan juga kombinasi antara makna literal dengan makna bukan literal (MLi+MBLi). Kehadirannya dapat diperhatikan melalui jadual yang berikut:

Jadual 2: Jumlah dan Peratusan Bentuk Makna Lambang KN dalam PP&P

<b>Bentuk Makna Lambang KN</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
Makna Literal	66	44.0
Makna Bukan Literal	73	49.0
Makna Literal+Makna Bukan Literal	11	7.0
	<b>150</b>	<b>100.0</b>

Jika diperhatikan daripada jadual tersebut, dapat dirumuskan bahawa penggunaan lambang yang mendukung MBLi (makna kiasan) menduduki tempat tertinggi, iaitu sebanyak 73 atau bersamaan dengan 49.0 %. Ini bersesuaian dengan pantun yang bertemakan peribahasa dan perbilangan. Penggunaan bahasa kiasan ini pula kebiasaannya dipinjamkan daripada unsur alam sekeliling yang paling hampir dengan pemantun seperti unsur flora, fauna, unsur-unsur alam fizikal dan sebagainya.

Bagi tujuan analisis terhadap lambang-lambang yang dipilih, pengkaji cuba mentafsirkan makna mengikut pemahaman berdasarkan kepada kewujudan lambang dalam keseluruhan rangkap pantun. Dengan kata lain, maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh pemantun melalui penggunaan lambang-lambang tersirat ditafsirkan berdasarkan kepada konteks pemantun yang menghasilkannya pada zaman tersebut.

Hal ini perlu diberi perhatian bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan pembaca yang mempunyai pelbagai tafsiran yang tersendiri. Justeru, pengkaji menggunakan pendekatan dengan melihat idea keseluruhan dalam sesebuah rangkapan pantun bagi melihat

hubungan antara pelambang (bentuk) dengan sesuatu yang dilambangkannya (makna).

MLi pula hadir dengan jumlah 66 atau bersamaan dengan 44.0%. Penggunaan lambang yang mengandungi MLi masih digunakan secara meluas dalam bahagian tema P&P. Kenyataan ini berdasarkan kepada julat yang tidak banyak bezanya dengan MBLi, iaitu hanya 7 sahaja.

Sementara itu, satu lagi bentuk makna yang jelas kelihatan ialah kombinasi antara MLi+MBLi yang hadir dengan jumlah terendah, iaitu 11 atau bersamaan dengan 7.0%. Keadaan ini menunjukkan bahawa sesuatu lambang boleh mengandungi makna literal dan dalam masa yang sama bersifat bukan literal. Faktor penentu penggunaan jenis makna yang sedemikian boleh dilihat berdasarkan kepada fungsi lambang dalam sesebuah rangkap pantun. Jelasnya, fenomena ini menunjukkan bahawa dalam menyampaikan sesuatu amanat atau mesej yang tertentu, makna dapat disampaikan sama ada secara literal atau secara kiasan.

### **Makna Literal (MLi)**

Daripada jumlah 66 lambang yang mengandungi MLi, terdapat 11 lambang daripada kombinasi MLi+MBLi menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 77. Ini kerana terdapatnya penggunaan lambang yang mewakili dua makna sekali gus seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 3: Jumlah dan Peratusan Makna Lambang Literal KN dalam PP&P

Bentuk Makna Lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
Makna Literal	66	86.0
Makna Literal+Makna Bukan Literal	11	14.0
	77	100.0

Ini mengambil kira fungsi lambang yang mendukung dua kategori makna secara serentak. Ringkasnya, satu unsur pelambang mewakili dua unsur lambangan, iaitu bersifat literal dan bukan literal. Penggunaan lambang yang mewakili makna literal disampaikan secara jelas dan terus



kepada maksud yang sebenar tanpa dikelirukan oleh makna lain. Contohnya penggunaan lambang laut dalam konteks pantun yang berikut:

*Apa lauk makan semalam,  
Nasi disenduk hangatnya tidak;  
Air di laut seperti garam,  
Ikannya lemak masinnnya tidak.*

(KPM, 1984:156)

Lambang 'laut' dalam konteks pantun tersebut merujuk kepada komponen sumber rezeki kerana di dalamnya terkandung pelbagai hidupan dan warisan khazanah yang berharga. Menurut kajian, lautan merangkumi 2/3 % daripada bumi sementara 1/3 % lagi terdiri daripada daratan. Jika diperhatikan, keluasan permukaan laut mengatasi kawasan daratan. Justeru, tidak mustahil dalam dasar lautan mengandungi pelbagai sumber makanan sama ada bersifat hidupan laut yang kaya dengan sumber protein mahupun tumbuhan laut yang boleh dijadikan sumber ubat-ubatan.

Berikutnya pula merupakan contoh-contoh lambang yang mengandungi kombinasi antara MLi+MBLi. Kehadiran lambang yang mendukung dua makna ini dapat diperhatikan melalui lambang 'kiambang' seperti dalam konteks pantun yang berikut:

- (i) *Kalau tuan pergi menebang,  
Jangan lupa membawa tajak;  
Jangan menurut resmi kiambang,  
Pucuknya menghijau akar tak jejak.*

(KPM:866)

- (ii) *Pukul gambang kampung Cik Tahir,  
Bunyinya sampai ke Pulau Jerjak;  
Umpamanya kiambang di atas air,  
Daunnya hijau akarnya tak jejak.*

(KPM, 1984:169)

Lambang ‘kiambang’ dalam rangkap pantun (i) merujuk kepada MLi. Kiambang atau nama saintifiknya *Pistia Stratiotes* merupakan sejenis tumbuhan yang terapung-apung di permukaan air.

Namun, dalam konteks pantun (ii) pula merujuk kepada MBLi. Rujukan dalam erti kata yang sebenar ialah perihal sikap perempuan yang tidak mempunyai pendirian yang tetap. Secara tidak langsung menggambarkan keperibadian wanita yang pada dasarnya lemah lembut, namun memiliki sikap yang suka berubah-ubah. Keadaan ini sesuai dengan tumbuhan kiambang yang akarnya tidak jejak ke tanah, menyebabkannya tidak sentiasa berada pada kedudukannya yang tetap kerana arus air boleh mengubah kedudukannya yang asal.

### Makna Bukan Literal (MBLi)

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, lambang yang mengandungi MBLi hadir dengan jumlah yang tertinggi, iaitu sebanyak 73. Angka ini melebihi sebahagian daripada data kajian. Hal yang sama berlaku juga dalam bahagian ini, iaitu terdapat 11 lambang yang memperlihatkan kombinasi dua makna, iaitu MLi+MBLi menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 84.

Berikutnya pengelasan makna lambang bukan literal, iaitu makna selain daripada MLi. Dalam konteks ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk makna, iaitu MBLi dan kombinasi antara MLi+MBLi seperti yang dapat diperhatikan melalui jadual yang berikut:

Jadual 4: Jumlah dan Peratusan Makna Lambang Bukan Literal KN dalam PP&P

Bentuk Makna Lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
Makna Bukan Literal	73	87.0
Makna Literal+Makna Bukan Literal	11	13.0
	<b>84</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya ialah contoh-contoh lambang yang mengandungi unsur MBLi, iaitu mengisyaratkan makna lain daripada makna yang sebenar.

Dalam hal ini tidak wujud hubungan antara pelambang dengan unsur lambangannya seperti yang dapat diperhatikan dalam contoh yang berikut:

*Pohon penak pohon meranti,  
Sudah ditebang lalu diikat;  
Kusangka jinak burung merpati,  
Rupanya terbang bila dipikat.*

(KPM, 1984:164)

Kebiasaannya lambang burung dikaitkan dengan lambang lelaki seperti burung pungguk, pipit, dan juga burung gagak hinggakan muncul ungkapan-ungkapan tertentu yang mengaitkannya dengan lelaki, seperti pungguk rindukan bulan.

Namun, dalam konteks pantun berikut, lambang 'burung merpati' mewakili kaum perempuan atau gadis yang digambarkan masih perawan. Antara unsur pelambang dengan unsur lambangannya jelas tidak berkaitan kerana kedua-duanya ternyata daripada unsur yang berlainan spesies. Faktor kedua-duanya dikaitkan mungkin disebabkan persamaan dari segi cirinya sahaja.

Seterusnya ialah penggunaan lambang yang mengandungi dwimakna, seperti kehadiran lambang 'hujan' dalam rangkap pantun yang berikut:

- (i) *Cik Minah memakai merjan,  
Disinar api cahaya gemerlap;  
Bumi mana tak kena hujan,  
Manusia mana tak buat silap.*

(KPM, 1984:58)

- (ii) *Buah nangka di tepi permatang,  
Dibawa ke pekan di tengah hari;  
Ku sangka panas hingga ke petang,  
Rupanya hujan di tengah hari.*

(KPM, 1984:164)

Lambang ‘hujan’ dalam rangkap pantun (i) di atas merujuk kepada MLi, iaitu air yang terpeluwap daripada wap di atmosfera (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2001:467). Lambang ini mempunyai makna yang jelas, iaitu merujuk terus kepada makna sebenar disebabkan sifatnya yang literal.

Sementara lambang ‘hujan’ dalam konteks pantun (ii) pula mengisyaratkan kepada unsur keburukan atau mengundang alamat yang tidak baik. Tidak dinafikan kejadian banjir yang dianggap sebagai satu bencana alam mendatangkan musibah kepada manusia dan kemusnahan harta benda.

Dapat dirumuskan bahawa kehadiran lambang dalam kumpulan MLi dan MBLi mempengaruhi jumlah dalam bahagian makna. Jumlah lambang sebanyak 150 mewakili sebanyak 161 makna disebabkan terdapat 11 lambang yang mewakili dua makna. Pembahagian makna tersebut dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Jadual 5: Jumlah dan Peratusan Jenis Makna Lambang KN dalam PP&P

Jenis Makna Lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
Makna Literal	77	48.0
Makna Bukan Literal	84	52.0
	161	100.0

### Makna Literal+Makna Bukan Literal (MLi+MBLi)

Berdasarkan kajian, terdapat sebanyak 11 lambang yang mengandungi dua kombinasi makna, iaitu MLi dan MBLi (diringkaskan kepada MLi+MBLi). Ini bermakna satu lambang wujud dalam dua keadaan, iaitu satu bersifat literal dan bersifat bukan literal. Contohnya penggunaan lambang ‘gunung’ dalam rangkap pantun yang berikut:

*Asap api bergulung-gulung,  
Anak buaya terlampai-lampai;  
Hajat hati nak peluk gunung,  
Apakan daya tangan tak sampai.*

(KPM, 1984:159)

Lambang ‘gunung’ dalam konteks pantun tersebut merujuk kepada MBLi, iaitu bermaksud kemahuan atau cita-cita tinggi yang menjadi impian atau hasrat seseorang. Sesuai dengan sifat fizikal gunung yang tinggi dan sukar untuk didaki hingga ke puncak, begitu juga dengan lambang ‘gunung’ dalam rangkap pantun tersebut yang melambangkan cita-cita atau kemahuan yang tidak tercapai.

Antara unsur pelambang dengan aspek lambangan dalam konteks idea pemantun dihubungkan dengan ciri kemiripan sifatnya. Untuk mendaki gunung yang tinggi dan sampai kepada puncaknya memerlukan semangat ketabahan dan kekuatan fizikal. Begitu juga dalam memenuhi tuntutan yang tinggi memerlukan ketekunan dan usaha seiring dengan sifat kesabaran.

## **Kesimpulan**

Kategori lambang (KL) dalam Pantun Peribahasa dan Perbilangan (PP&P) dapat dikelaskan kepada unsur konkrit dan abstrak, iaitu unsur konkrit mendahului dengan jumlah 132 manakala unsur abstrak hadir dengan jumlah yang kecil, iaitu hanya 18. Berdasarkan pada pengelasan makna lambang (ML) mengikut bentuk pula dapat dipecahkan kepada tiga, iaitu makna literal (MLi), makna bukan literal (MBLi), dan kombinasi antara makna literal dengan makna bukan literal (MLi+MBLi). Hanya unsur konkrit dan abstrak sahaja yang kelihatan dalam semua bentuk makna.

Jika diperhatikan penggunaan lambang bukan literal yang dipinjamkan oleh pemantun daripada alam yang memberi siratan makna kepada sesuatu lambang sebenarnya tidak mempunyai kaitan dengan objek sebenar. Dalam erti kata lain, tiada hubungan antara pelambang (bentuk) dengan unsur lambangan (makna) yang menjadi rujukan amanat.

Pemantun juga cenderung menggunakan ‘*style*’ dualisme, iaitu keadaan yang berasaskan dua hal yang bertentangan. Misalnya, pemakaian unsur-unsur seperti padi – lalang, kumbang – bunga, enggang – pipit, dan gading – tanduk. Dua unsur pelambang yang bersementaraan ini

turut mewakili dua makna yang berbeza. Misalnya, gading diisyaratkan sebagai suatu benda atau objek yang mempunyai nilai komersial yang tinggi sedangkan tanduk merujuk kepada objek yang tidak berkualiti. Antara pelambang dengan unsur lambangan yang digambarkan tidak mempunyai kaitan dari segi faktor penjenisannya. Apa yang wujud antara objek gading dengan manusia hanyalah hubungan yang bersifat kemiripan dari segi sifat dalamannya.

Jelas bahawa ciri-ciri estetika dalam bahasa pantun memang tidak boleh dipertikaikan, sekali gus melambangkan keunikan bahasa yang mempunyai pelbagai versi, khususnya dalam lapangan semantik. Aspek kepelbagaian bahasa ini menunjukkan satu lagi tanda kemahabesaran Allah yang menciptakan ribuan bahasa mengikut kedudukan geografi yang terpisah-pisah. Faktor inilah yang melahirkan bahasa yang berbeza-beza mengikut sesuatu bangsa. Namun, matlamatnya tetap sama, iaitu keperluan bahasa untuk tujuan komunikasi.

## Rujukan

- Ali Badrun. 2001. "Pantun dalam Masyarakat Johor", kertas kerja *Seminar Pantun Melayu*, anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor, 28-30 Jun, 2001.
- Alias Yunos. 1966. *Pantun Melayu Sastera Rakyat*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Berhad.
- Baharuddin Ahmad. 1994. *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandler, Daniel. 2002. *Semiotics: The Basics*, London: Routledge.
- Cobley, Paul & Jansz, Litza. 1997. *Introducing Semiotics*, Australia: Allen & Unwin Pty. Ltd.
- Colapietro, Vincent M. 1996. *Peirce's Doctrine of Sign Theory, Applications and Connections*, New York: Mouton de Gruyter.

- Culler, Jonathan. 1975. *Structuralist Poetics: Structuralism, Linguistics and the Study of Literature*, London: Routledge & Kegan Paul.
- \_\_\_\_\_. 2001. *The Pursuit of Signs: Semiotics, Literature, Deconstruction*, London: Routledge Classics.
- Daille, Francois - Rene. 1988. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eco, Umberto. 1976. *A Theory of Semiotics*, Bloomington, London: Indiana University Press.
- Innis, Robert E. (ed.). 1985. *Semiotics: An Introductory Anthology*, Bloomington: Indiana University Press.
- K.A. Rashid. 1988. *Pemikiran Islam: Satu Penilaian Semula*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 2002, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas. "Pembayang Pantun dan Huraian Alam dalam Cereka: Satu Teori Keindahan Melayu", dlm. *Dewan Sastera*, hlm.45-47, Januari 1986.
- Mahdi Ghulsyani. 1989. *Filsafat Sains Menurut Al-Quran*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Osman Bakar (peny.). 1989. *Islam dan Pemikiran Sains Masa Kini*, Kuala Lumpur: ASASI.
- Riffaterre, Michael. 1980. *Semiotics and Poetry*, Bloomington: Indiana University Press.
- Saussure, Ferdinand de. 1959. *Course in General Linguistics*, London: Peter Owen Limited.
- Zainal Abidin Bakar (peny.). 1984. *Kumpulan Pantun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.